




Jabatan Landskap Negara  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

# MANUAL PENYELENGGARAAN ASET LANDSKAP TAMAN AWAM (MaPAL)

 [www.kpkt.gov.my/jln](http://www.kpkt.gov.my/jln)

JABATAN LANDSKAP NEGARA

**MANUAL**  
PENYELENGGARAAN  
ASET LANDSKAP  
TAMAN AWAM  
(MaPAL)



Jabatan Landskap Negara  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

### **Diterbitkan Oleh**

Jabatan Landskap Negara  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Tingkat 7, 11 & 15, Plaza Permata-IGB  
Jalan Kampar off Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Tel : 03-4047 0000 Faks : 03-4045 2415

### **Hakcipta – Penulisan**

Jabatan Landskap Negara  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

### **Hakcipta – Gambar**

Jabatan Landskap Negara  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

### **Editor**

Haji Che Mustafar bin Muda  
Manogaran a/l Munisami  
Siti Annural Balkis binti Mohtar

### **Penolong Editor**

Muhammad Zahri bin Adnin

### **Penulis**

Prof. Madya Dr. Osman Mohd Tahir  
Asraf Abdul Rahman

### **Pasukan Kerja**

Haji Mohd Taib bin Haji Zin	Hamisah binti Adnan
Haji Ismail bin Haji Ahmad	Zuraidah binti Sainan
Walter Kenson	Chee Kie Chang
Shafini Ashraq Karim	Faisal bin Affendie
Siti Zanariah binti Zailani	Nooraizan binti Mohd Nor
Mohd Suffian bin Wasli	

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain tanpa izin pemilik terlebih dahulu.

Cetakan Pertama 2010

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan Manual Penyelenggaraan Aset Landskap Taman Awam (MaPAL).  
ISBN 978-967-5375-05-7

### **Rekabentuk dan Grafik oleh**

ARENARA - QA Printers Sdn Bhd (T: 0193719321)  
No. 21, Jalan Kampung Pasir Baru, Off Jalan Klang Lama, 58200 Kuala Lumpur

# Isi Kandungan

**Kata-kata Aluan**

**iii**

**Penghargaan**

**iv**

## **BAHAGIAN 1 : PENGENALAN**

1.1	Latar Belakang	1
1.2	Matlamat Manual	1
1.3	Objektif Manual	1
1.4	Skop Manual	2
1.5	Penggunaan Manual	2
1.6	Latar Belakang Taman Awam dan Kepentingan Penyelenggaraan Aset Landskap	2

## **BAHAGIAN 2 : ASET LANDSKAP**

2.1	Aset Landskap Lembut	5
2.2	Aset Landskap Kejur	5

## **BAHAGIAN 3 : PIAWAIAN PENYELENGGARAAN ASET LANDSKAP TAMAN AWAM**

3.1	Keperluan Penyelenggaraan Aset Landskap	7
3.2	Komponen dalam Penyelenggaraan Aset Landskap	7
3.3	Piawaiian Kualiti Penyelenggaraan Aset Landskap Lembut	8
3.4	Piawaiian Penyelenggaraan Aset Landskap Kejur > Bangunan Awam, Fasiliti dan Kemudahan Awam, dan Prasarana	70
3.5	Piawaiian Kualiti Penyelenggaraan Aset Landskap Kejur > Antikuiti	98
3.6	Piawaiian Kualiti Penyelenggaraan Aset Landskap Kejur > Kemudahan Orang Kelainan Upaya	98

## **BAHAGIAN 4 : PANDUAN PEMERIKSAAN DAN PENILAIAN ASET LANDSKAP TAMAN AWAM**

- |     |   |     |
|-----|---|-----|
| 4.1 | Keperluan Pemeriksaan dan Penilaian Aset Landskap di Taman Awam       | 101 |
| 4.2 | Borang Pemeriksaan dan Penilaian Penyelenggaraan Aset Landskap (ePAL) | 108 |

## **BAHAGIAN 5 : PENUTUP**

- |     |         |     |
|-----|---------|-----|
| 5.1 | Penutup | 111 |
|-----|---------|-----|

## **BAHAGIAN 6 : LAMPIRAN**

- |     |  |     |
|-----|--|-----|
| 6.1 | Lampiran 1 - Contoh Aset Landskap Lembut di Taman Awam | 113 |
| 6.2 | Lampiran 2 - Contoh Aset Landskap Kejur di Taman Awam  | 113 |

## **GLOSARI 117**

## **SENARAI RUJUKAN 120**

## **BIODATA PENULIS 121**

- |                           |     |
|---------------------------|-----|
| > BIODATA EDITOR          | 122 |
| > BIODATA PASUKAN KERJA   | 122 |
| - Jabatan Landskap Negara |     |
| - Pihak Berkuasa Tempatan |     |
| > JURU GAMBAR             | 124 |

# Kata-kata Aluan

Penyelenggaraan aset landskap merupakan aspek penting dalam perancangan dan pembangunan landskap terutama taman-taman awam supaya penggunaannya dioptimumkan. Penyelenggaraan aset landskap yang terdiri daripada landskap lembut dan landskap kejur adalah penting bagi memastikan kemudahan yang disediakan adalah selamat kepada pengguna dan orang awam. Aset landskap yang diselenggara dengan baik dapat membolehkan taman-taman awam berfungsi mengikut tujuan pembinaannya. Ia perlu bermula sebaik sahaja kerja-kerja pembinaan tamat.

Kerja dan kos penyelenggaraan aset landskap dapat dikurangkan dengan melaksanakan kaedah reka bentuk yang inovatif dalam pembinaan.



Pengetahuan teknikal dan pengalaman berbeza-beza di kalangan pekerja dan pegawai juga mempengaruhi tahap penyelenggaraan aset-aset landskap di taman awam. Kaedah penyelenggaraan aset landskap perlu diseragamkan supaya amalan yang terbaik di terima untuk mengawal pembaziran sumber kewangan yang terhad.

Jabatan Landskap Negara melalui Bahagian Pengurusan Landskap mengambil inisiatif menerbitkan manual ini untuk memberi informasi yang jelas mengenai keperluan penyelenggaraan aset landskap serta piawaian kualiti penyelenggaraan, keperluan pemeriksaan dan penilaian aset landskap di taman awam. Data yang terdapat dalam manual ini adalah hasil amalan penyelenggaraan aset yang dirumuskan daripada lapan (8) Pihak Berkuasa Tempatan.

Adalah menjadi harapan Jabatan Landskap Negara, Manual Penyelenggaraan Aset Landskap Taman Awam (MaPAL) ini dapat menjadi panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

**ESA BIN HAJI AHMAD**

Ketua Pengarah  
Jabatan Landskap Negara

# Penghargaan



Jabatan Landskap Negara ingin merakamkan jutaan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di dalam penyediaan Manual Penyelenggaraan Aset Landskap Taman Awam (MaPAL). Khususnya kepada pasukan penulis iaitu terdiri daripada pensyarah dari Universiti Putra Malaysia iaitu Profesor Madya Dr. Osman Mohd Tahir dan Encik Asraf Abdul Rahman. Penulisan manual ini turut dibantu oleh pasukan kerja yang terdiri dari pegawai dari Pihak Berkuasa

Tempatan iaitu Tuan Haji Ismail bin Haji Ahmad dari Majlis Perbandaran Seremban, Puan Zuraidah binti Sainan dari Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Encik Walter Kenson dari Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Encik Chee Kie Chang dari Majlis Bandaraya Miri, Encik Shafini Ashraq Karim dari Perbadanan Putrajaya, Encik Faisal bin Affendie dan Encik Mohd Suffian bin Wasli dari Dewan Bandaraya Kuching Utara, Puan Zanariah binti Zailani dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Puan Nooraizan binti Mohd Nor dari Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Kepakaran dan pengetahuan mereka yang mendalam serta pengalaman yang luas dalam pengurusan dan penyelenggaraan taman awam sangat membantu dalam penyediaan manual ini.

Penerbitan manual ini juga tidak akan menjadi satu kenyataan tanpa sokongan, buah fikiran dan usaha gigih ahli pasukan penyelaras. Jabatan Landskap Negara ingin merakamkan penghargaan kepada mereka yang terdiri daripada pegawai-pegawai Jabatan Landskap Negara iaitu Y. Berusaha Tuan Haji Mohd Taib bin Haji Zin; Timbalan Ketua Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Landskap, Tuan Haji Che Mustafar bin Muda; Pengarah Bahagian Pengurusan Landskap, Puan Siti Annural Balkis binti Mokhtar dan Puan Hamisah binti Adnan; Penolong Pengarah, Cik Mardziah binti Mohd Amin; Penolong Arkitek Landskap Kanan, Encik Badrul Isham bin Ab'illah dan Encik Muhammad Zahri bin Adnin; Penolong Arkitek Landskap dari Bahagian Pengurusan Landskap.

Penghargaan juga ditunjukkan kepada orang perseorangan yang tidak disenaraikan tetapi telah memberikan sumbangan yang tidak ternilai untuk menyiapkan Manual Penyelenggaraan Aset Landskap Taman Awam (MaPAL).

# JABATAN LANDSKAP NEGARA

## Bahagian 1

### PENGENALAN

- > Latar Belakang
- > Matlamat Manual
- > Objektif Manual
- > Skop Manual
- > Penggunaan Manual
- > Latar Belakang Taman Awam dan Kepentingan Penyelenggaraan Aset Landskap





### 1.1 Latar Belakang

**Manual Penyelenggaraan Aset Landskap Taman Awam** atau singkatannya **MaPAL** merupakan manual yang berkaitan dengan pengurusan aset landskap taman awam yang meliputi aset landskap lembut dan kejur. Manual ini disediakan sebagai panduan dan bahan rujukan kepada agensi pelaksana yang diamanahkan untuk mengurus dan menyelenggara aset landskap terutamanya di kawasan taman awam. Ini bertujuan untuk memastikan matlamat dan objektif pembangunan taman awam, tercapai, dan taman itu terpelihara dan terurus mengikut kualiti penyelenggaraan aset yang telah ditetapkan. Manual ini dihasratkan agar dapat memastikan bahawa aset landskap taman awam di seluruh Malaysia diselenggara dengan lebih sistematik dan cekap demi menjamin pulangan kualiti yang terbaik dengan kos yang berpatutan.

### 1.2 Matlamat Manual

Manual ini dihasilkan untuk menjadi panduan dan rujukan kepada agensi pelaksana dalam usaha menyelenggara aset landskap taman awam agar dapat berfungsi serta memberikan manfaat, kepuasan dan keselamatan kepada pengguna ke arah pengkalan persekitaran kehidupan yang berkualiti.

### 1.3. Objektif Manual

Manual ini disediakan untuk:

- i. menjadi panduan dan bahan rujukan kepada pihak berkuasa tempatan dan agensi lain di Malaysia untuk mengurus dan menyelenggara aset landskap taman awam;
- ii. memastikan taman awam diurus dan diselenggara mengikut jadual penyelenggaraan aset landskap untuk memastikan matlamat dan objektif pembangunan tercapai;
- iii. memastikan penyelenggaraan aset landskap taman awam di seluruh Malaysia diselenggara secara komprehensif, sistematik dan cekap demi menjamin pulangan kualiti yang terbaik.

## 1.4 Skop Manual

Manual Penyelenggaraan Aset Landskap Taman Awam (MaPAL) ini akan :

- i. memberikan tumpuan kepada aktiviti penyelenggaraan aset landskap lembut dan kejur dengan mengambil kira kepentingan landskap mapan; dan
- ii. menyediakan panduan untuk menyelenggara aset landskap taman awam yang merangkumi jadual penyelenggaraan dan penilaian kualiti kerja penyelenggaraan

## 1.5 Penggunaan Manual

Manual ini boleh digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, jabatan atau agensi kerajaan dan swasta yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kerja penyelenggaraan aset landskap, terutamanya di kawasan taman awam atau taman lain. Borang Pemeriksaan dan Penilaian Aset Landskap (ePAL) juga disediakan bagi tujuan penilaian dan pemantauan kualiti kerja.

Di samping itu manual ini hendaklah digunakan (jika perlu) bersama-sama dengan manual dan garis panduan landskap lain yang berkaitan.

## 1.6 Latar Belakang Taman Awam dan Kepentingan Penyelenggaraan Aset Landskap

Pada kebiasaannya, perkataan 'taman' kebiasaannya merujuk kepada sesuatu kawasan lapang. Garis panduan Landskap Negara Edisi 2 (2008) mendefinisikan tanah lapang sebagai tanah yang dirizabkan keseluruhan atau sebahagiannya sebagai suatu taman bunga awam, taman awam, padang sukan dan rekreasi awam, tempat makan angin, tempat jalan kaki awam atau sebagai suatu tempat awam. Tanah lapang dan rekreasi adalah saling berkaitan. Hal ini demikian kerana rekreasi merupakan aktiviti yang dijalankan di mana-mana tanah lapang dan digunakan untuk beriadah. Oleh itu, taman awam boleh ditakrifkan sebagai kawasan berlandskap yang dibina oleh pihak berkuasa di sesuatu kawasan lapang untuk orang ramai menjalankan aktiviti rekreasi dengan dilengkapi pelbagai kemudahan.

Taman awam dibangunkan dan diselenggara untuk memenuhi keperluan kawasan lapang yang mempunyai kepentingan serta dapat berfungsi dan memberikan manfaat kepada pengguna. Oleh itu secara umumnya, pendekatan pembangunan taman awam dan landskap yang dilaksanakan adalah untuk memberikan impak terhadap peningkatan kualiti persekitaran sesuatu kawasan. Penggunaan elemen landskap lembut serta dilengkapi dengan elemen landskap kejur dan penggunaan ruang yang cekap akan dapat menangani isu alam sekitar, seperti peningkatan suhu di kawasan perbandaran, banjir kilat, dan tanah runtuh. Pembinaan taman awam juga untuk memenuhi keperluan penduduk setempat demi mencapai kualiti kehidupan yang tinggi.

Kriteria pembangunan sesebuah taman dan kawasan lapang, ia boleh dibahagikan kepada; Lot Permainan, Padang Permainan, Padang Kejiranan, Taman Tempatan, Taman Bandaran, Taman Wilayah, dan Taman Nasional bergantung keluasan kawasan pembangunannya. Untuk memastikan pengkalan taman awam dan kawasan landskap yang berkualiti, pengurusan dan penyelenggaraan yang sempurna perlu dijalankan.

Pengurusan landskap merupakan proses yang melibatkan pelaksanaan kerja bersama individu lain dengan menggunakan sumber organisasi seperti manusia, modal, dan maklumat, serta menggunakan kaedah atau alat dengan cara yang bijaksana untuk mencapai tujuan akhir pembangunan sesuatu kawasan landskap. Matlamat pengurusan landskap adalah untuk memastikan bahawa objektif jangka masa panjang pereka bentuk dan pengguna tercapai, landskap yang dibangunkan matang dalam keadaan memuaskan serta bersesuaian dengan reka bentuk dan konsep yang dikehendaki. Ini untuk memenuhi kehendak dan keperluan pengguna serta memastikan kawasan landskap berfungsi dan berperanan sepenuhnya. Salah satu komponen penting dalam pengurusan landskap ialah aktiviti penyelenggaraan kawasan landskap selepas pembinaannya.

Aset landskap yang telah dibina perlu diurus serta diselenggara dengan berkesan dan cekap. Perancangan pengurusan dan penyelenggaraan landskap berdasarkan kualiti penyelenggaraan aset adalah penting supaya

- i. Objektif dan kualiti pengurusan dan penyelenggaraan dapat ditentukan dengan sebaik-baiknya;
- ii. Pelan program pengurusan dan penyelenggaraan kawasan dapat disediakan;
- iii. Implikasi kewangan terhadap setiap kerja penyelenggaraan dapat ditetapkan mengikut perancangan yang disetujui;
- iv. Bajet pengurusan dan penyelenggaraan dapat dijustifikasikan dengan baik;
- v. Tenaga pekerja atau modal insan dapat dirancang dengan baik dan cekap;
- vi. Penyelenggaraan kawalan dapat dijalankan sebelum berlaku kerosakan yang lebih besar;
- vii. Keselamatan awam dan kakitangan dapat dipelihara;
- viii. Penjadualan program operasi penyelenggaraan dapat diselaraskan;
- ix. Kualiti alam sekitar dapat dipelihara;
- x. Perhubungan awam dan penglibatan pengguna dapat dirancang; dan
- xi. Perancangan organisasi dapat dibangunkan dengan skop kerja yang jelas.

Oleh itu, manual ini diharapkan dapat memberikan panduan tentang jadual aktiviti penyelenggaraan aset landskap, terutamanya bagi taman awam. Ini turut memudahkan kerja penyediaan, perancangan, pengurusan landskap, yang meliputi jadual kerja, spesifikasi penyelenggaraan, serta asas penyediaan perbelanjaan.

JABATAN LANDSKAP NEGARA

# Bahagian 2



## ASET LANDSKAP

- > Aset Landskap Lembut
- > Aset Landskap Kejur



## Pengenalan Mengenai Aset Landskap

Aset landskap di taman awam boleh dibahagikan kepada aset landskap lembut dan kejur.

### 2.1 Aset Landskap Lembut

Aset landskap lembut merujuk kepada pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan yang terdapat di taman awam, yang meliputi antaranya pokok ameniti, renek, palma, dan penutup bumi (rujuk lampiran 1).

### 2.2 Aset Landskap Kejur

Aset landskap kejur merujuk kepada semua jenis struktur binaan hasil buatan manusia (rujuk lampiran 2) yang boleh dibahagikan kepada 5 komponen seperti yang berikut:

#### 2.2.1 Bangunan (Kemudahan Awam)

Struktur bangunan untuk kemudahan awam yang dibina di sekitar taman awam untuk kegunaan pengguna yang meliputi bangunan perkhidmatan, stor, kios taman, rumah sampah, tandas, dan sebagainya.

#### 2.2.2 Kemudahan Awam (Dalam / Luar)

Struktur binaan untuk kemudahan awam yang dibina di sekitar taman awam untuk kemudahan pengguna meliputi antaranya kotak tanaman, bangku taman, wakaf, tong sampah, pergola dan sebagainya.

#### 2.2.3 Prasarana

Struktur binaan khusus di sekitar taman awam yang meliputi jambatan, rumah pam, parkir, utiliti, kolam dan tasik.

#### 2.2.4 Antikuiti

Struktur binaan bersejarah atau purba yang terdapat di sekitar taman awam.

### 2.2.5 Kemudahan Orang Kelainan Upaya

Struktur kemudahan yang disediakan di taman awam untuk orang kelainan upaya yang meliputi orang kurang upaya, warga emas, wanita mengandung dan kanak-kanak istimewa.



# Bahagian 3

## PIAWAIAN PENYELENGGARAAN Aset Landskap Taman Awam



- > Keperluan Penyelenggaraan Aset Landskap
- > Komponen dalam Penyelenggaraan Aset Landskap
- > Piawaian Kualiti Penyelenggaraan Aset Landskap Lembut
- > Piawaian Penyelenggaraan Aset Landskap Kejur
- > Piawaian Kualiti Penyelenggaraan Aset Landskap Kejur
- > Piawaian Kualiti Penyelenggaraan Aset Landskap Kejur



## 3.1 Keperluan Penyelenggaraan Aset Landskap

Keperluan penyelenggaraan aset landskap taman awam adalah untuk :

- i. mewujudkan satu panduan penyelenggaraan aset landskap yang berkesan dan cekap;
- ii. memastikan keperluan amalan hortikultur dipenuhi dalam kerja penyelenggaraan landskap lembut;
- iii. memastikan aset landskap dalam keadaan baik, berfungsi dan selamat untuk digunakan;
- iv. membantu penyediaan perancangan pengurusan landskap, jadual kerja dan spesifikasi penyelenggaraan; dan
- v. membantu kerja penilaian dan pemantauan penyelenggaraan landskap.

## 3.2 Komponen dalam Penyelenggaraan Aset Landskap

### 3.2.1 Aset Lembut

Panduan asas penyelenggaraan aset landskap lembut taman awam akan dibuat dalam bentuk jadual penyelenggaraan yang merangkumi :

- i. Item ;
- ii. aktiviti ;
- iii. kaedah penyelenggaraan ;
- iv. kekerapan ;
- v. catatan ; dan
- vi. gambar foto.

### 3.2.2 Aset Kejur

Panduan asas penyelenggaraan aset landskap kejur taman awam akan dibuat dalam bentuk jadual penyelenggaraan yang merangkumi :

- i. item ;
- ii. bahan / komponen ;
- iii. kualiti penyelenggaraan ;
- iv. kaedah penyelenggaraan dan tindakan ;
- v. kekerapan ;
- vi. catatan ; dan
- vii. gambar foto.

### 3.3 Kualiti Penyelenggaraan Aset Landskap Lembut

Kualiti penyelenggaraan aset landskap lembut di taman awam menekankan aspek keselamatan, nilai estatika dan kebersihan. Ini akan menyumbang kepada peningkatan nilai kawasan dari segi kualiti persekitaran, kemajuan ekonomi, dan integrasi sosial.

Penyelenggaraan Aset Landskap Lembut bagi pokok ameniti dipaparkan dalam Jadual 3.3.1 ; bagi palma dalam Jadual 3.3.2 ; bagi pokok renek dalam Jadual 3.3.3 ; bagi tanaman menjalar / memanjat dalam Jadual 3.3.4 ; bagi tumbuhan penutup bumi dalam Jadual 3.3.5 bagi rumput dalam Jadual 3.3.6 ; bagi buluh dalam Jadual 3.3.7 ; bagi tanaman pasuan / gantung / kotak tanaman dalam Jadual 3.3.8; bagi tanaman akuatik dalam Jadual 3.3.10 dan bagi tanaman bebawang / rizom dalam Jadual 3.3.11.



### 3.3.1 Jadual Penyelenggaraan Aset Landskap Lembut – Pokok-Ameniti

ITEM	AKTIVITI	KAEDAH PENYELENGGARAAN	KEKERAPAN	CATATAN
<p>Pokok Ameniti (Pokok Teduhan / Buah-buahan Hutan / Teduhan Berbunga)</p>	<p>Pemangkasan</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenal pasti spesies pokok dan jenis pokok ;</li> <li>2. Menentukan objektif pemangkasan ;</li> <li>3. Mengenal pasti jenis pemangkasan yang perlu dilakukan :               <ul style="list-style-type: none"> <li>- untuk membersihkan kanopi ;</li> <li>- untuk penjarangan kanopi ;</li> <li>- untuk menyingkap kanopi ;</li> <li>- untuk memulihkan kanopi ;</li> <li>- untuk mengurangkan saiz kanopi ;</li> <li>- untuk mengimbangi kanopi.</li> </ul> </li> <li>4. Mengenal pasti peralatan pemangkasan yang sesuai seperti gergaji lipat, gergaji D, gergaji berantai, sekateur, <i>bypass looper</i> ;</li> <li>5. Melaksanakan kerja pemangkasan ;</li> <li>6. Membersihkan kawasan ;</li> <li>7. Melupuskan sisa pemangkasan digalakkan dijadikan kompos atau dibawa ke pusat pengkomposan</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergantung pada spesies pokok dan kadar tumbesaran</li> <li>• Mengikut kelompok / keadaan pokok / kaedah               <ul style="list-style-type: none"> <li>- tumbesaran cepat 3-4 bulan</li> <li>- tumbesaran sederhana 4-6 bulan</li> <li>- tumbesaran perlahan 6-12 bulan</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujuk Piawaian Produktiviti Penyelenggaraan Landskap</li> <li>• Rujuk Garis Panduan Landskap Negara Edisi ke-2</li> <li>• Rujuk Manual Pemangkasan Pokok Ameniti</li> </ul>

ITEM	AKTIVITI	KAEDAH PENYELENGGARAAN	KEKERAPAN	CATATAN
<p>Pokok Ameniti (Pokok Teduhan / Buah-buahan Hutan / Teduhan Berbunga)</p>	<p>Pembajaan</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenal pasti spesies pokok dan jenis pokok ;</li> <li>2. Menentukan tujuan pembajaan :                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- untuk tumbesaran ;</li> <li>- untuk pembungaan ;</li> <li>- menggalakkan tunas baru ;</li> <li>- menggalakkan pengeluaran buah ;</li> <li>- untuk kehijauan daun.</li> </ul> </li> <li>3. Memilih jenis baja yang perlu digunakan :                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- baja tunggal (urea,TSP,MOP) ;</li> <li>- baja campuran ;</li> <li>- baja sebatian (NPK) ;</li> <li>- baja organik ;</li> </ul> </li> <li>4. Memilih teknik pembajaan :                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- poket ;</li> <li>- peparitan ;</li> <li>- taburan ;</li> <li>- semburan daun.</li> </ul> </li> <li>5. Mengenal pasti peralatan pembajaan;</li> <li>6. Melaksanakan kerja pembajaan ;</li> <li>7. Menyiram.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergantung pada spesies pokok dan tujuan pembajaan / keperluan dan pertumbuhan pokok.</li> <li>• Mengikut keadaan pokok / kaedah kebiasaannya 4-6 bulan.</li> <li>• Pokok yang telah matang selalunya tidak memerlukan pembajaan yang kerap.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujuk Prawaian Produktiviti Penyelenggaraan Landskap</li> <li>• Rujuk Garis Panduan Landskap Negara Edisi ke-2</li> </ul>

### 3.3.1 Jadual Penyelenggaraan Aset Landskap Lembut – Pokok Ameniti

ITEM	AKTIVITI	KAEDAH PENYELENGGARAAN	KEKERAPAN	CATATAN
<p>Pokok Ameniti (Pokok Teduhan / Buah-buahan Hutan / Teduhan Berbunga)</p>	<p>Kawalan Perosak dan Penyakit</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melakukan pemerhatian dan pemeriksaan pokok</li> <li>2. Mengenalpasti perosak dan penyakit melalui simptom yang terdapat pada pokok</li> <li>3. Mengenalpasti kaedah kawalan               <ul style="list-style-type: none"> <li>- kawalan secara kultura dan fizikal</li> <li>- kawalan secara biologi</li> <li>- kawalan secara kimia</li> <li>- kawalan bersepadu</li> </ul> </li> <li>4. Mengenalpasti bahan dan peralatan berdasarkan kaedah kawalan</li> <li>5. Melaksanakan kerja kawalan               <ul style="list-style-type: none"> <li>- langkah-langkah keselamatan semasa pengendalian racun makhluk perosak</li> </ul> </li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemerhatian dan pemeriksaan dijalankan 1-3 bulan.</li> <li>• Dalam keadaan kecemasan / wabak penyakit pokok / cuaca pemerhatian dan pemeriksaan dijalankan dengan lebih kerap.</li> <li>• Berdasarkan serangan dan jenis penyakit dan kaedah rawatan yang bersesuaian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujuk Serangga Perosak Pokok Ameniti.</li> <li>• Rujuk Pengurusan Perosak Dan Penyakit Utama Pokok Ameniti Melalui Kawalan Kimia.</li> <li>• Rujuk Penyakit Utama Pokok Ameniti.</li> <li>• Rujuk Garis Panduan Landskap Negara Edisi ke-2.</li> </ul>

ITEM	AKTIVITI	KAEDAH PENYELENGGARAAN	KEKERAPAN	CATATAN
<p>Pokok Ameniti (Pokok Teduhan / Buah-buahan Hutan /Teduhan Berbunga)</p>	<p>Merumpai / Menggembur</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenal pasti keperluan merumpai dan menggembur ;</li> <li>2. Mengenal pasti spesies rumpai ;</li> <li>3. Menentukan tujuan merumpai / menggembur ;</li> <li>4. Mengenal pasti kaedah merumpai :                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- menggunakan kimia</li> <li>- secara manual ;</li> </ul> </li> <li>5. Mengenal pasti jenis racun rumpai (jika perlu) :                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- jenis sentuh</li> <li>- jenis sistemik</li> <li>- jenis selektif ;</li> </ul> </li> <li>6. Mengenal pasti peralatan merumpai yang sesuai, seperti cangkul, sabit, penyembur jenis sandang dan tajak.</li> <li>7. Melaksanakan kerja merumpai / menggembur di sekeliling pokok ; dan</li> <li>8. Membersihkan kawasan</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebulan sekali ;</li> <li>• Mengikut keperluan dan pertumbuhan pokok.</li> <li>• Keperluan merumpai dan menggembur akan berkurangan mengikut kematangan pokok</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujuk Garis Panduan Landskap Negara Edisi ke-2</li> <li>• Rujuk Piawaian Produktiviti Penyelenggaraan Landskap</li> </ul>

### 3.3.1 Jadual Penyelenggaraan Aset Landskap Lembut – Pokok Ameniti

ITEM	AKTIVITI	KAEDAH PENYELENGGARAAN	KEKERAPAN	CATATAN
<p>Pokok Ameniti (Pokok Teduhan / Buah-buahan Hutan / Teduhan Berbunga)</p>	<p>Penyulaman</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenal pasti keperluan penyulaman ;</li> <li>2. Mengenal pasti spesies pokok yang perlu disulam, saiznya dan punca masalah ;</li> <li>3. Memastikan pokok pengganti ialah spesies yang sama, dan saiz yang bersesuaian ;</li> <li>4. Melakukan proses penyulaman dengan mencabut pokok lama dan membuat rawatan tanah / saliran ;</li> <li>5. Menyediakan bahan tanaman dan lubang menanam ;</li> <li>6. Melaksanakan kerja penyulaman ;</li> <li>7. Melakukan pemancangan, sungkupan dan penyiraman ; dan</li> <li>8. Membersihkan kawasan</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengikut keperluan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujuk Garis Panduan Landskap Negara Edisi ke-2.</li> <li>• Rujuk Panduan Penanaman Pokok Teduhan.</li> </ul>
<p>Penjarangan</p>		<p>Dilakukan apabila pokok terlalu rapat / banyak / rimbun.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengikut keperluan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujuk Garis Panduan Landskap Negara Edisi ke-2.</li> </ul>

ITEM	AKTIVITI	KAEDAH PENYELENGGARAAN	KEKERAPAN	CATATAN
<p>Pokok Ameniti (Pokok Teduhan / Buah-buahan Hutan / Teduhan Berbunga)</p>	<p>Pemancangan</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenal pasti pokok yang memerlukan pancang/ tidak stabil ;</li> <li>2. Mengenal pasti saiz pokok dengan teknik pemancangan yang sesuai ;</li> <li>3. Mengenal pasti teknik pemancangan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- tunggal</li> <li>- beregu</li> <li>- tegang ikat / kabel wayar keluli ;</li> </ul> </li> <li>4. Mengenal pasti peralatan yang perlu digunakan dan bersesuaian ;</li> <li>5. Melaksanakan kerja pemancangan ; dan</li> <li>6. Menanggalkan kayu pancang setelah pokok boleh tegak sendiri.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengikut keperluan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujuk Garis Panduan Landskap Negara Edisi ke-2.</li> <li>• Rujuk Panduan Penanaman Pokok Teduhan.</li> </ul>
	<p>Penyiraman</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melakukan penyiraman apabila keadaan cuaca terlalu panas / kering / pokok baru disulam ;</li> <li>2. Membuat pemerhatian simptom pada pokok ;</li> <li>3. Memilih teknik penyiraman                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- titis</li> <li>- renjisan</li> <li>- manual / lori tangki air</li> <li>- hos di bebola akar ; dan</li> </ul> </li> <li>4. Melaksanakan kerja penyiraman</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyiraman dilakukan adalah sebanyak 1- 2 kali sehari.</li> <li>• Penyiraman dilakukan pada waktu pagi sebelum terik matahari dan waktu petang sebelum matahari terbenam / elakkan waktu tengah hari.</li> <li>• Penyiraman tidak diperlukan selepas hujan lebat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujuk Garis Panduan Landskap Negara Edisi ke-2.</li> <li>• Rujuk Panduan Penanaman Pokok Teduhan.</li> <li>• Rujuk Piawaian Produktiviti Penyelenggaraan Landskap.</li> </ul>



3.3.1 Jadual Penyelenggaraan Aset Landskap Lembut – Pokok Ameniti

ITEM	AKTIVITI	KAEDAH PENYELENGGARAAN	KEKERAPAN	CATATAN
<p>Pokok Ameniti (Pokok Teduhan / Buah-buahan Hutan /Teduhan Berbunga)</p>	<p>Pembersihan kawasan</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membersih kawasan apabila keadaan memerlukan yang meliputi pemungutan sampah, sisa daun dan ranting kayu</li> <li>2. Mengenal pasti keperluan pembersihan kawasan ;</li> <li>3. Mengenal pasti teknik pembersihan kawasan                         <ul style="list-style-type: none"> <li>- menggunakan penyapu, pencakar; atau</li> <li>- mekanikal (penghembus udara, mesin menyapu) ; dan</li> </ul> </li> <li>4. Melaksanakan kerja pembersihan kawasan.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap hari / mengikut keperluan..</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujuk Garis Panduan Landskap Negara Edisi ke-2.</li> <li>• Rujuk Piawaian Produktiviti Penyelenggaraan Landskap</li> </ul>
<p>Penilaian Pokok Berisiko</p>		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melakukan inventori pokok dan pemetaan ;</li> <li>2. Merekod data yang diperolehi ;</li> <li>3. Melakukan proses penilaian pokok menggunakan borang pemeriksaan dan penilaian ;</li> <li>4. Menganalisis data untuk mengetahui status dan keadaan risiko pokok – menyediakan laporan ;</li> <li>5. Merancang langkah kawalan dan strategi pencegahan ; dan</li> <li>6. Melaksanakan pelan perancangan dan strategi.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap 6-12 bulan</li> <li>• Berdasarkan jenis masalah setempat / semasa dan jenis kawalan yang akan dirancang bagi tujuan kawalan keselamatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujuk Sistem Inventori Pokok Jabatan Landskap Negara.</li> </ul>

## GAMBAR Foto



Mengenal pasti jenis pemangsaan yang perlu dilakukan



Keaja penggemburan di sekeliling pokok



Mengenal pasti perosak atau penyakit melalui simptom yang terdapat pada pokok



Mengenal pasti bahan dan peralatan berdasarkan kaedah kawalan

3.3.1(a) Senarai Semak Kekerapan Penyelenggaraan Aset Landskap Lembut – Pokok Ameniti

AKTIVITI	BULAN KE -												CATATAN	
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12		
Pokok Ameniti (Pokok Teduhan / Buah-buahan / Hutan / Teduhan Berbunga)														
Pemangkasan														Mengikut tumbesaran pokok. 1 - 3 kali setahun
Pembajaan														4 bulan skali
Kawalan Perosak & Penyakit														Pemeriksaan 3 bulan sekali
Perumpaian & Penggemburan														Sebulan sekali
Penyiraman														Setiap hari
Penyulaman														Jika perlu
Penjarangan														Apabila pokok terlalu rapat
Pemancangan														Jika perlu
Pembersihan Kawasan														Setiap hari
Penilaian Pokok Berisiko														Pemeriksaan setiap 6 bulan sekali

ITEM	AKTIVITI	KAEDAH PENYELENGGARAAN	KEKERAPAN	CATATAN
<p>Pokok Palma (Berbatang Tunggal / Berumpun)</p>	<p>Pemangkasan</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenal pasti spesies dan jenis palma ;</li> <li>2. Mengenal pasti objektif pemangkasan;</li> <li>3. Mengenal pasti jenis pemangkasan yang perlu dilakukan :                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- memangkas pelepah yang rosak atau kering ;</li> <li>- membuang tandan buah yang masak dan kering yang mendatangkan bahaya ;</li> <li>- bagi palma berumpun di pangkas anak tunas / saka tidak dikehendaki;</li> </ul> </li> <li>4. Mengenal pasti peralatan pemangkasan yang sesuai seperti gergaji lipat, gergaji D, gergaji berantai, sekateur, bypass looper ;</li> <li>5. Melaksanakan kerja pemangkasan ;</li> <li>6. Membersihkan kawasan ; dan</li> <li>7. Melupuskan sisa pemangkasan : digalakkan supaya dijadikan kompos atau dibawa ke pusat pengkomposan.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergantung pada spesies palma dan kadar tumbesaran.</li> <li>• Mengikuti tumbesaran pokok :                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- tumbesaran cepat 2-3 bulan ;</li> <li>- tumbesaran sederhana 3-4 bulan ; dan</li> <li>- tumbesaran perlahan 4-6 bulan.</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujuk Piawaian Produktiviti Penyelenggaraan Landskap</li> <li>• Rujuk Garis Panduan Landskap Negara Edisi ke-2</li> <li>• Rujuk Manual Pemangkasan Pokok Ameniti</li> </ul>

### 3.3.2 Jadual Penyelenggaraan Aset Landskap Lembut – Palma

ITEM	AKTIVITI	KAEDAH PENYELENGGARAAN	KEKERAPAN	CATATAN
<p>Pokok Palma (Berbatang Tunggal / Berumpun)</p>	<p>Pembajaan</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenal pasti spesies dan jenis palma ;</li> <li>2. Menentukan tujuan pembajaan :               <ul style="list-style-type: none"> <li>- untuk tumbesaran</li> <li>- menggalakkan pengeluaran buah</li> <li>- untuk kehijauan daun ;</li> </ul> </li> <li>3. Menentukan jenis baja yang perlu digunakan :               <ul style="list-style-type: none"> <li>- baja tunggal (urea, TSP/MOP)</li> <li>- baja campuran</li> <li>- baja sebatian (NPK)</li> <li>- baja organik ;</li> </ul> </li> <li>4. Memilih teknik pembajaan :               <ul style="list-style-type: none"> <li>- poket ;</li> <li>- peparitan ;</li> <li>- taburan ;</li> <li>- semburan daun ;</li> </ul> </li> <li>5. Mengenal pasti peralatan pembajaan;</li> <li>6. Melaksanakan kerja pembajaan ; dan</li> <li>7. Menyiram.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergantung pada spesies palma dan tujuan pembajaan / keperluan dan pertumbuhan palma.</li> <li>• Mengikut keadaan palma / kaedah kebiasaannya 4-6 bulan.</li> <li>• Palma yang telah matang selalunya tidak memerlukan pembajaan yang kerap</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujuk Pawaian Produktiviti Penyelenggaraan Landskap</li> <li>• Rujuk Garis Panduan Landskap Negara Edisi ke-2</li> </ul>

ITEM	AKTIVITI	KAEDAH PENYELENGGARAAN	KEKERAPAN	CATATAN
<p><b>Pokok Palma</b> (Berbatang Tunggal / Berumpun)</p>	<p>Kawalan Perosak dan Penyakit</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melakukan pemerhatian dan pemeriksaan palma. Menjalankan pemerhatian terhadap pola pertumbuhan palma agar tidak terbantut ;</li> <li>2. Mengenal pasti perosak dan penyakit melalui simptom yang terdapat pada palma ;</li> <li>3. Mengenalpasti kaedah kawalan :                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- kawalan secara kultura dan fizikal ;</li> <li>- kawalan secara biologi ;</li> <li>- kawalan secara kimia ; dan</li> <li>- kawalan bersepadu ;</li> </ul> </li> <li>4. Mengenalpasti bahan dan peralatan berdasarkan kaedah kawalan ; dan</li> <li>5. Melaksanakan kerja kawalan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- langkai keselamatan semasa pengendalian racun makhluk perosak</li> </ul> </li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemerhatian dan pemeriksaan dijalankan 1-3 bulan.</li> <li>• Dalam keadaan kecemasan / wabak penyakit palma pemerhatian dan pemeriksaan dijalankan dengan lebih kerap.</li> <li>• Berdasarkan serangan dan jenis penyakit dan kaedah rawatan yang bersesuaian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujuk Piawaian Produktiviti Penyelenggaraan Landskap</li> <li>• Rujuk Serangga Perosak Pokok Ameniti.</li> <li>• Rujuk Pengurusan Perosak dan Penyakit Utama Pokok Ameniti Melalui Kawalan Kimia.</li> <li>• Rujuk Garis Panduan Landskap Negara Edisi ke-2</li> </ul>

3.3.2 Jadual Penyelenggaraan Aset Landskap Lembut – Palma

ITEM	AKTIVITI	KAEDAH PENYELENGGARAAN	KEKERAPAN	CATATAN
<p>Pokok Palma (Berbatang Tunggal / Berumpun)</p>	<p>Perumpaian / Penggemburan</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenal pasti keperluan perumpaian dan penggemburan ;</li> <li>2. Mengenalpasti spesis rumpai ;</li> <li>3. Menentukan tujuan merumpai / menggembur ;</li> <li>4. Mengenal pasti kaedah merumpai               <ul style="list-style-type: none"> <li>- menggunakan kimia ; dan</li> <li>- secara manual ;</li> </ul> </li> <li>5. Mengenalpasti jenis racun rumpai (jika perlu) :               <ul style="list-style-type: none"> <li>- jenis sentuh</li> <li>- jenis sistemik</li> <li>- jenis selektif ;</li> </ul> </li> <li>6. Mengenal pasti peralatan merumpai yang sesuai seperti cangkul, sabit, penyembur jenis sandang dan tajak,</li> <li>7. Melaksanakan kerja merumpai / menggembur di sekeliling palma ; dan</li> <li>8. Membersihkan kawasan</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebulan sekali.</li> <li>• Mengikut keperluan dan pertumbuhan palma.</li> <li>• Keperluan merumpai dan menggembur akan berkurangan mengikut kematangan palma</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujuk Garis Panduan Landskap Negara Edisi ke-2</li> <li>• Rujuk Piawaian Produktiviti Penyelenggaraan Landskap</li> </ul>

ITEM	AKTIVITI	KAEDAH PENYELENGGARAAN	KEKERAPAN	CATATAN
<p>Pokok Palma (Berbatang Tunggal / Berumpun)</p>	<p>Penyulaman</p>	<p>1. Mengenal pasti penyulaman ;                      2. Mengenal pasti spesies palma yang perlu disulam, saiznya dan punca masalah ;                      3. Memastikan bahawa palma diganti dengan adalah spesies yang sama dan saiz yang bersesuaian ;                      4. Melakukan proses penyulaman dengan mencabut palma lama dan membuat rawatan tanah / saliran ;                      5. Menyediakan bahan tanaman dan lubang menanam ;                      6. Melaksanakan kerja penyulaman                      7. Melakukan pemancangan, sungkupan dan penyiraman ; dan                      8. Membersihkan kawasan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengikut keperluan.</li> </ul>	



3.3.2 Jadual Penyelenggaraan Aset Landskap Lembut – Palma

ITEM	AKTIVITI	KAEDAH PENYELENGGARAAN	KEKERAPAN	CATATAN
<p>Pokok Palma (Berbatang Tunggal / Berumpun)</p>	<p>Pemancangan</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melakukannya pada palma berbatang tunggal sahaja ;</li> <li>2. Mengenalpasti saiz palma dengan teknik pemancangan yang sesuai ;</li> <li>3. Menentukan teknik pemancangan :                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- beregu ; atau</li> <li>- tegang ikat / kabel wayar keluli.</li> </ul> </li> <li>4. Mengenal pasti peralatan yang perlu digunakan dan bersesuaian ;</li> <li>5. Melaksanakan kerja pemancangan ; dan</li> <li>6. Memantau.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengikut keperluan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujuk Garis Panduan Landskap Negara Edisi ke-2.</li> <li>• Rujuk Piawaian Produktiviti Penyelenggaraan Landskap</li> </ul>
	<p>Penyiraman</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melakukannya apabila keadaan cuaca terlalu panas / kering / palma baru disulam ;</li> <li>2. Membuat pemerhatian simptom pada palma ;</li> <li>3. Menentukan teknik penyiraman :                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- titis ;</li> <li>- renjisan ;</li> <li>- manual / lori tangki air ; atau</li> <li>- hos di bebola akar ; dan</li> </ul> </li> <li>4. Melaksanakan kerja penyiraman.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar penyiraman adalah sebanyak 1- 2 kali sehari.</li> <li>• Penyiraman dilakukan pada waktu pagi sebelum terik matahari dan waktu petang sebelum matahari terbenam / elakkan waktu tengah hari.</li> <li>• Penyiraman tidak diperlukan selepas hujan lebat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujuk Garis Panduan Landskap Negara Edisi ke-2.</li> <li>• Rujuk Piawaian Produktiviti Penyelenggaraan Landskap.</li> </ul>

ITEM	AKTIVITI	KAEDAH PENYELENGGARAAN	KEKERAPAN	CATATAN
<p><b>Pokok Palma</b> (Berbatang Tunggal / Berumpun)</p>	<p>Pembersihan Kawasan</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melakukannya apabila yang memerlukan pemungutan sampah, sisa pelepah, seludang dan buah gugur ;</li> <li>2. Mengenal pasti keperluan pembersihan kawasan ;</li> <li>3. Teknik pembersihan kawasan secara manual ; dan</li> <li>4. Melaksanakan kerja pembersihan kawasan.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap hari / mengikut keperluan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujuk Garis Panduan Landskap Negara Edisi ke-2.</li> </ul>
<p>Penilaian Pokok Berisiko</p>		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melakukan inventori palma dan pemetaan ;</li> <li>2. Merekodkan data yang diperolehi</li> <li>3. Melakukan proses penilaian palma menggunakan borang pemeriksaan dan penilaian ;</li> <li>4. Menganalisis data untuk mengetahui status dan keadaan palma – menyediakan laporan ;</li> <li>5. Merancang langkah kawalan dan strategi pencegahan ; dan</li> <li>6. Melaksanakan pelan perancangan dan strategi.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap 6-12 bulan</li> <li>• Bedasarkan jenis masalah setempat / semasa dan jenis kawalan yang akan dirancang bagi tujuan kawalan keselamatan</li> </ul>	

## GAMBAR Foto



Mengenal pasti spesies dan jenis palma



Pangkas anak tunas yang tidak dikehendaki



Melaksanakan kerja pembersihan kawasan selepas pemangkasan



Menjalankan pemerhatian terhadap pola pertumbuhan palma

3.3.2 (a) Senarai Semak Kekerapan Penyelenggaraan Aset Landskap Lembut – Pokok Palma

AKTIVITI	BULAN KE -												CATATAN				
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12					
Palma (Berbatang tunggal/ berumpun)																	
Pemangkasan																	Mengikut tumbesaran pokok. 2 - 4 kali setahun.
Pembajaan																	4 - 6 bulan sekali
Kawalan Perosak & Penyakit																	Pemeriksaan 3 bulan sekali
Perumpaian & Penggemburan																	Sebulan sekali
Penyiraman																	Setiap hari
Penyulaman																	Jika perlu
Penjarangan																	Jika perlu
Pemancangan																	Jika perlu
Pembersihan Kawasan																	Mengikut keperluan
Penilaian Pokok Berisiko																	Enam bulan sekali

### 3.3.3 Jadual Penyelenggaraan Aset Landskap Lembut – Pokok Renek

ITEM	AKTIVITI	KAEDAH PENYELENGGARAAN	KEKERAPAN	CATATAN
<p>Renek (Renek Berbunga / Pagaran / Topiari)</p>	<p>Pemangkas</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenal pasti spesies dan jenis renek</li> <li>2. Menentukan objektif pemangkas ;</li> <li>3. Menentukan jenis pemangkas yang perlu dilakukan :               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memangkas untuk membentuk ;</li> <li>- mengandam pokok ;</li> <li>- membuang sulur air / tunas tidak dikehendaki / penyakit ; atau</li> <li>- memangkas untuk menggalakkan tunas baru ;</li> </ul> </li> <li>4. Mengenal pasti peralatan pemangkas yang sesuai seperti gunting tanaman, sekateur, perapi pagar renek, looper ;</li> <li>5. Melaksanakan kerja pemangkas ; dan</li> <li>6. Membersihkan kawasan</li> <li>7. Melupuskan sisa pemangkas: digalakkan supaya dijadikan kompos atau dibawa ke pusat pengkomposan.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergantung kepada spesies renek dan kadar tumbesaran.</li> <li>• Mengikut fungsi / keadaan renek / kaedah               <ul style="list-style-type: none"> <li>- 1 bulan sekali</li> </ul> </li> </ul>	

ITEM	AKTIVITI	KAEDAH PENYELENGGARAAN	KEKERAPAN	CATATAN
<p>Renek (Renek Berbunga / Pagaran / Topiari)</p>	<p>Pembajaan</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenal pasti spesies dan jenis renek ;</li> <li>2. Menentukan tujuan pembajaan :                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- untuk tumbesaran ;</li> <li>- untuk menggalakkan pembungaan;</li> <li>- untuk merimbunkan renek ; atau</li> <li>- untuk kejayaan daun ;</li> </ul> </li> <li>3. Menentukan jenis baja yang perlu digunakan :                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- baja tunggal (urea,TSP/MOP) ;</li> <li>- baja campuran ;</li> <li>- baja sebatian (NPK) ;</li> <li>- baja organik ;</li> </ul> </li> <li>4. Menentukan teknik pembajaan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- poket (penanaman tunggal) ;</li> <li>- peparitan ;</li> <li>- taburan ; atau</li> <li>- semburan daun .</li> </ul> </li> <li>5. Mengenal pasti peralatan pembajaan;</li> <li>6. Melaksanakan kerja pembajaan ; dan</li> <li>7. Menyiram</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergantung pada spesies renek dan tujuan pembajaan / keperluan dan pertumbuhan renek.</li> <li>• Mengikut keadaan renek / kaedah kebiasaannya 1 bulan sekali.</li> </ul>	

3.3.3 Jadual Penyelenggaraan Aset Landskap Lembut – Pokok Renek

ITEM	AKTIVITI	KAEDAH PENYELENGGARAAN	KEKERAPAN	CATATAN
<p>Renek (Renek Berbunga / Pagaran / Topiari)</p>	<p>Kawalan Perosak dan Penyakit</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melakukan pemeriksaan dan pemerhatian</li> <li>2. Mengenal pasti perosak dan penyakit melalui simptom yang terdapat pada renek ;</li> <li>3. Mengenal pasti kaedah kawalan :                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- kawalan secara kultura dan fizikal ;</li> <li>- kawalan secara biologi ;</li> <li>- kawalan secara kimia ; atau</li> <li>- kawalan bersepadu ;</li> </ul> </li> <li>4. Mengenal pasti bahan dan peralatan berdasarkan kawalan ;</li> <li>5. Melaksanakan kerja- kawalan :                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- langkah keselamatan ; dan</li> <li>- semasa pengendalian racun makhluk perosak.</li> </ul> </li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 3 bulan sekali / berdasarkan pemerhatian serangan dan jenis penyakit dan kaedah rawatan yang bersesuaian.</li> </ul>	

ITEM	AKTIVITI	KAEDAH PENYELENGGARAAN	KEKERAPAN	CATATAN
<p>Renek (Renek Berbunga / Pagaran / Topiari)</p>	<p>Perumpaan/ Penggemburan</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenal pasti keperluan merumpai dan menggembur ;</li> <li>2. Mengenal pasti spesies rumpai ;</li> <li>3. Tujuan merumpai / menggembur ;</li> <li>4. Mengenal pasti kaedah merumpai                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- menggunakan kimia ; dan</li> <li>- secara manual.</li> </ul> </li> <li>5. Mengenalpasti jenis racun rumpai (jika perlu) :                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- jenis sentuh</li> <li>- jenis sistemik</li> <li>- jenis selektif ;</li> </ul> </li> <li>6. Mengenal pasti peralatan merumpai yang sesuai seperti cangkul, sudip tangan, penyembur jenis sandang dan tajak ;</li> <li>7. Melaksanakan kerja merumpai menggembur di sekeliling renek ; dan</li> <li>8. Membersihkan kawasan</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebulan sekali</li> </ul>	



3.3.3 Jadual Penyelenggaraan Aset Landskap Lembut – Pokok Renek

ITEM	AKTIVITI	KAEDAH PENYELENGGARAAN	KEKERAPAN	CATATAN
<p>Renek (Renek Berbunga / Pagaran / Topiari)</p>	<p>Penyulaman</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenal pasti keperluan penyulaman ;</li> <li>2. Mengenal pasti spesies renek yang perlu disulam, saiznya dan punca masalah ;</li> <li>3. Memastikan renek diganti dengan spesies yang sama dan saiz yang bersesuaian ;</li> <li>4. Melakukan proses penyulaman dengan mencabut renek lama dan membuat rawatan tanah / saliran ;</li> <li>5. Menyediakan bahan tanaman dan lubang menanam ;</li> <li>6. Melaksanakan kerja penyulaman ;</li> <li>7. Memancang jika perlu ;</li> <li>8. Melakukan sungkupan dan penyiraman ;</li> <li>9. Membersihkan kawasan</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengikut keperluan</li> <li>• Semasa pemerhatian / pemeriksaan tapak, menggantikan renek mati atau berpenyakit; rosak akibat vandalisma atau untuk tujuan penghijauan kawasan</li> </ul>	

ITEM	AKTIVITI	KAEDAH PENYELENGGARAAN	KEKERAPAN	CATATAN
Renek (Renek Berbunga / Pagaran / Topiari))	Penyiraman	<ol style="list-style-type: none"> <li>Melakukan apabila keadaan cuaca terlalu panas / kering ;</li> <li>Mengenal pasti teknik penyiraman :               <ul style="list-style-type: none"> <li>- titis ;</li> <li>- renjisan ; atau</li> <li>- manual / lori tangki air ; dan</li> </ul> </li> <li>Melaksanakan kerja penyiraman</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar penyiraman adalah sebanyak 1- 2 kali sehari jika perlu.</li> <li>Penyiraman dilakukan pada waktu pagi sebelum terik matahari dan waktu petang sebelum matahari terbenam / elakkan waktu tengah hari.</li> <li>Penyiraman tidak diperlukan selepas hujan lebat.</li> </ul>	
	Pemancangan	Melakukannya pada renek yang dipangkas supaya berbatang tunggal (standard pruning)	Jika perlu	
	Pembersihan kawasan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Melakukannya apabila keadaan memerlukan yang meliputi pemungutan sampah, sisa daun dan ranting dahan ;</li> <li>Mengenal pasti keperluan pembersihan kawasan ;</li> <li>Mengenal pasti teknik pembersihan kawasan :               <ul style="list-style-type: none"> <li>- menggunakan penyapu, pencakar ; atau</li> <li>- mekanikal (penghembus udara, mesin menyapu) ; dan</li> </ul> </li> <li>Melaksanakan kerja pembersihan kawasan</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Setiap hari / mengikut keperluan</li> </ul>	

## GAMBAR Foto



Melaksanakan kerja merumput dan menggembur mengikut tujuan dan kaedah yang sesuai



Menggunakan peralatan pemangkasan yang sesuai



Mengenalpasti perosak dan penyakit melalui simptom yang terdapat pada tumbuhan



Sisa pemangkasan dijadikan kompos atau dibawa ke pusat pengkomposan

3.3.3 (a) Senarai Semak Kekerapan Penyelenggaraan Aset Landskap Lembut – Renek

AKTIVITI	BULAN KE -												CATATAN	
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12		
Renek (Renek Berbunga / Pagaran / Topiari)														
Pemangkasan														Sebulan sekali
Pembajaan														Sebulan sekali
Kawalan Perosak & Penyakit														Pemeriksaan 3 bulan sekali
Perumpaan & Penggemburan														1 bulan sekali
Penyiraman														Setiap hari
Penyulaman														Jika perlu
Pemancangan														Jika perlu
Pembersihan Kawasan														Setiap hari

### 3.3.4 Jadual Penyelenggaraan Aset Landskap Lembut - Tanaman Menjalar / Memanjat

ITEM	AKTIVITI	KAEDAH PENYELENGGARAAN	KEKERAPAN	CATATAN
